

# Selatan Thailand hargai usaha KL

BH- 15/2/2007

## Pemimpin Pulo harap konflik segera berakhir

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**OTA BHARU: Pemimpin masyarakat Islam Selatan Thailand menghargai komitmen Malaysia untuk menjadi orang tengah dalam usaha menyelesaikan konflik di tiga wilayah itu yang berlarutan sejak tiga tahun lalu.

Mereka menganggap kesediaan Malaysia membantu meredakan ketegangan wilayah itu sebagai komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil berat masalah masyarakat Islam Thailand.

Ketua Hal Ehwal Luar Barisan Pembebasan Pattani Bersatu (Pulo), Kasturi Mahkota, berkata Pulo menghargai usaha kerajaan Malaysia, tetapi pada masa sama meragui keikhlasan Kerajaan Thailand.

"Pulo sangat gembira Malaysia sentiasa mengambil inisiatif membantu rakyat Selatan Thailand, tetapi apa yang membimbangkan ialah sikap Kerajaan Thailand yang tidak konsisten dan kurang kesungguhan.

"Harapan kami, usaha kali ini membuahkan hasil kerana sebelum ini Kerajaan Thailand pernah ber-setuju dengan tawaran Malaysia, tetapi ia sekadar menunjukkan pada dunia kononnya mereka serius menyelesaikan masalah," katanya.

Kasturi berkata, Kuala Lumpur juga perlu memastikan Bangkok benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan masalah kerana sebelum ini Malaysia sebenarnya dipermainkan oleh Thailand dalam isu selatan negara itu.

Penasihat Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Abd Rahman Abd Samad, berkata pihaknya berharap inisiatif Malaysia itu dipercepat bagi menamatkan konflik yang berlaru-

tan sekian lama.

"Kita menghargai komitmen Malaysia bersusah-payah membantu kami, tetapi pada masa sama rakyat di Narathiwat masih kurang jelas apakah bentuk bantuan yang diberikan.

"Kita masih tidak tahu butiran lanjut mengenai perkara itu, tetapi berharap Kerajaan Thailand sedia berdialog dengan kita secara lebih terbuka," katanya.

Ahli Lembaga Pelancongan Thailand, Abd Aziz Awang Seman, berkata kesediaan Malaysia menunjukkan kesungguhan Abdullah mahu isu di Selatan Thailand diselesaikan secepat mungkin.

"Kita berharap rundingan dengan kerajaan Thailand akan berjalan lancar selepas ini bagi membolehkan kesepakatan dicapai," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kelmarin, Abdullah dilaporkan berkata, Malaysia bersedia menjadi 'orang tengah' untuk mencari penyelesaian terhadap pergolakan di Selatan Thailand yang sehingga kini mengorbankan lebih 2,000 orang.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Thailand berkata, rakan sejawatnya, Surayud Chulanont secara umumnya berpendapat Malaysia ada kebolehan kerana memahami keadaan dan pendirian mereka berhubung isu berkenaan.

**“Pulo sangat gembira Malaysia sentiasa mengambil inisiatif membantu rakyat Selatan Thailand, apa membimbangkan sikap Kerajaan Thailand yang kurang kesungguhan”**

**Kasturi Mahkota**  
Ketua Hal Ehwal Luar Barisan  
Pembebasan Pattani Bersatu